



**TERIMA SKROL ...** Seorang graduan menerima skrol, penyampaian disampaikan oleh Shafie (kanan).

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Para graduan diminta supaya sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan cabaran sebenar selepas melangkah ke alam pekerjaan.

Hal demikian adalah kerana cabaran alam pekerjaan adalah berlainan daripada alam pengajian semasa di universiti.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal memeritahu bahawa dunia global menuntut para graduan untuk tampil lebih bijak khasnya dalam mencipta sesuatu revolusi.

"Anda perlu bersaing dengan graduan-graduan lain dari universiti lain seluruh negara dan dunia, namun saya yakin anda telah 'berguru' dengan pendidik-pendidik yang hebat di universiti ini.

"Kini tinggal anda sendiri untuk mencorak langkah bagi mencari pekerjaan bagi menampung keperluan keluarga dan anda sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-20 sesi 2018 bagi Sidang Ketiga, hari kedua, di sini kelmarin.

Menurut Shafie, kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM238.37 juta bagi tujuan kegunaan inisiatif pembangunan modal insan melalui Kementerian Pelajaran dan Inovasi.

"Kerajaan Negeri komited untuk berusaha memastikan modal insan khasnya di Sabah mampu dipacu dengan lebih hebat.

"Peruntukan ini adalah telah dinyatakan bagi Bajet Tahun 2019 dan kita turut menyediakan pertambahan kepada peruntukan biasiswa melalui kementerian tersebut yang mana pada tahun 2018 adalah sebanyak RM37juta tetapi ditambah lagi kepada RM52 juta bagi tajaan biasiswa untuk tahun 2019," jelasnya lagi.

Seramai 807 graduan dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan serta 63 orang graduan dari Fakulti Pertanian Lestari menerima ijazah sarjana muda dalam sidang tersebut.

# Graduan diminta sedia hadapi cabaran ke alam pekerjaan



**TERIMA DOKTOR FALSAFAH ...** Mantan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah, Datuk Haji Dr. Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid (dua kiri) berjaya memperolehi Doktor Falsafah (Psikologi) sempena Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-20 di UMS, Kota Kinabalu, pada Sabtu.

Jainab yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno Negeri Sabah merupakan salah seorang daripada 55 graduan penerima PhD yang disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin.

Kelihatan Jainab (dua kiri) bersama para penerima PhD yang lain di Konvokesyen UMS.